

# Malawati

"Usaha Untuk Rakyat"



Majlis Daerah Kuala Selangor

[www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my)

Januari - April 2020



## KAMI PRIHATIN, KAMI BERKONGSI

### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

14 APRIL 2020

Malam Anugerah JMB/MC  
Majlis Daerah Kuala Selangor

4

Majlis Perasmian Program  
Pemurnian Pelancongan  
Selangor (P3S)

8

Penghargaan Kepada  
Petugas Barisan Hadapan  
Majlis Daerah Kuala Selangor

20



Naskah Percuma

*Kuala Selangor* Indah dan Bersejarah

## JANUARI

- Perhimpunan Pagi Bil.1 / 2020 dihoskan oleh Jabatan Penguatkuasaan.
- Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Sebagai Mentor Menti Program Pementoran Khas Dalam Perkhidmatan Awam 2020.
- Audit Pemantauan MS ISO 9001-2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Malam Anugerah JMB/MC (MALA) Majlis Daerah Kuala Selangor.
- Kunjungan Hormat LHDNM Pejabat Pengarah Negeri Selangor ke Majlis Daerah Kuala Selangor.
- Sukan Kakitangan 2019 (Bola Sepak).
- Lawatan Kerja Ke Majlis Daerah Hulu Selangor Bagi Mempelajari Pelaksanaan Aset Infrastruktur Mengikut Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia.
- Kempen Derma Darah 2020.
- Operasi Lembu.
- Kunjungan Hormat Panglima 11 Briged.
- Promosi "Firefly" Sempena Tahun Baru Cina 2020.

## FEBRUARI

- Majlis Perasmian Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) Peringkat Daerah Kuala Selangor
- Operasi Bersepadu Sampah Haram Kampung Seri Sentosa, Ijok
- Perlawanan Akhir Sukan Bola Sepak Sukan Kakitangan KSKR
- Lawatan Panel Penilai Pengauditan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Penyerahan Kunci Rumah Laman Haris, Eco World
- Perhimpunan Pagi Bil. 2 / 2020 dihoskan oleh Jabatan Pelesenan
- Lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020
- Operasi Tindakan Penguatkuasaan Kebersihan Pasar Basah Daerah Kuala Selangor
- Program CSR "Home of River"
- Kunjungan Hormat Jabatan Perangkaan Malaysia
- Kunjungan Hormat Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR)

## MAC

- Lawatan Teknikal Kajian Rancangan Zon Persisiran Pantai Negara
- Operasi Binaan Haram
- Lawatan Majlis Daerah Hulu Selangor Mengenai Pelaksanaan Sistem Parkir Berbayar
- Majlis Perhimpunan Penjawat Awam Bersama YAB Dato Menteri Besar Negeri Selangor
- Majlis Apresiasi Program SARANG Ekonomi Desa Selangor 2019
- Pembentangan Hasil Penyelidikan Hakisan Pantai di Pantai Jeram dan Pantai Remis, Kuala Selangor
- Lawatan Sambil Belajar Jabatan Kerja Raya Bagan Datuk, Perak
- Operasi Kilang Kitar Semula
- Program Kami Prihatin Kami Berkongsi MDKS (Sarapan Pagi Barisan Hadapan)

## APRIL

- Program Kami Prihatin Kami Berkongsi MDKS (Pendayung dan Kakitangan)
- Program Kami Prihatin Kami Berkongsi MDKS (Siri 1)
- Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Saujana Utama
- Taklimat dan Penyerahan Bahan Nyahkuman Kepada JMB
- Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Puncak Alam
- Taklimat dan Penyerahan Bahan Nyahkuman Kepada JMB
- Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Sungai Buloh
- Program Kami Prihatin Kami Berkongsi MDKS (Siri 2)

# Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

### Penangung

Puan Rahilah binti Rahmat AMS,  
ydp@mdks.gov.my

### Penasihat

Tuan Azman bin Dahlan AIS, PPT,  
azmandahlan@mdks.gov.my

### Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim  
norrini@mdks.gov.my

### Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren  
aliff@mdks.gov.my

### Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria  
hisyamuddin@mdks.gov.my

### Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi  
irwanshah@mdks.gov.my



### Diterbitkan Oleh

Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongar  
Majlis Daerah Kuala Selangor

### Diterbitkan Untuk



Majlis Daerah Kuala Selangor

Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor

Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101

Web : www.mdks.gov.my

# PERHIMPUNAN PAGI BILANGAN 1 6 Januari 2020

Sebagai pembuka tirai tahun 2020, telah diadakan Perhimpunan Pagi Bilangan 1, Majlis Daerah Kuala Selangor yang dihoskan oleh Jabatan Penguatkuasaan.

Renungan pagi telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, Encik Mohamad Lutfi bin Mislah Hudin dan ucap tama telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat yang menyampaikan amanat tahun baru serta sasaran pencapaian MDKS ke arah lebih cemerlang untuk tahun 2020.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

## MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI MENTOR MENTI PROGRAM PEMENTORAN KHAS DALAM PERKHIDMATAN AWAM 2020 15 Januari 2020

Bertempat di bilik Yang Dipertua MDKS, satu majlis ringkas telah diadakan sempena Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan sebagai Mentor untuk program Pementoran Khas dalam Perkhidmatan Awam.

Program Pementoran ini diadakan sebagai mekanisme latihan untuk menyemarakkan pembelajaran dalam organisasi dan memperkukuhkan kompetensi penjawat awam agar sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

# AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD

16-17 Januari 2020

Bagi proses meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat, MDKS telah menerima kunjungan daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk Siri Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015.

Setiap proses kerja MDKS telah dinilai dan pihak SIRIM mengesyorkan persijilan MS ISO 9001 : 2015 diteruskan tanpa sebarang pindaan.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# MALAM ANUGERAH JMB/MC (MALA) MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

18 Januari 2020

Bagi mengiktiraf pencapaian Badan Pengurusan Bersama (JMB) sepanjang tahun 2019, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MDKS telah menganjurkan Malam Anugerah JMB/MC (MALA) Majlis Daerah Kuala Selangor di Eco Grandeur, Ecoworld Puncak Alam.

Di majlis tersebut, Pangsapuri Iris telah dipilih sebagai Pangsapuri terbaik dan berjaya membawa pulang wang tunai RM 1,000.00 serta sijil. Hadiah telah disampaikan oleh Yang Berhormat Puan Haniza binti Mohamed Talha, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Kehidupan Bandar sambil diiringi oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

# KUNJUNGAN HORMAT LHDNM PEJABAT PENGARAH NEGERI SELANGOR KE MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

20 Januari 2020

MDKS telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk sesi perbincangan dan perkongsian maklumat di Bilik Mesyuarat Malawati, MDKS. Kunjungan ini bertujuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama antara pihak LHDNM dan MDKS serta sesi perkongsian bidang kuasa kedua-dua pihak.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

## LAWATAN KERJA KE MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR UNTUK MEMPELAJARI PELAKSANAAN ASET INFRASTRUKTUR MENGIKUT PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA

20 Januari 2020

Proses kecekapan mutu kerja MDKS dipertingkatkan menerusi sesi lawatan rasmi MDKS ke Majlis Daerah Hulu Selangor. Lawatan ini bertujuan mempelajari pelaksanaan aset infrastruktur mengikut piawaian perakaunan Sektor Awam Malaysia.

Delegasi MDKS telah diketuai oleh Pengarah Jabatan Perbendaharaan MDKS, Puan Liliana binti Ahmad dan sesi taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha MDHS, Encik Shaiful Rizza bin Hj. Pamin.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

“Usaha untuk rakyat”

# KEMPEN DERMA DARAH 2020

22 Januari 2020

Penganjuran Kempen Derma Darah tahun 2020 telah menjadi acara tahunan MDKS untuk membantu pihak Pusat Darah Negara meningkatkan stok bekalan darah. Sebanyak 110 kantung beg darah berjaya disumbangkan oleh MDKS pada kali ini.

MDKS turut merakamkan ucapan terima kasih kepada penderma dan berharap agar komitmen warga Kuala Selangor dapat diteruskan untuk setiap penganjuran kempen derma darah. Kempen ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Politik Menteri Kesihatan, Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# OPERASI LEMBU

22 Januari 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan lembu yang memasuki kawasan laluan awam serta perumahan pada 22 Januari 2020.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Satu kompaun telah dikeluarkan serta merta kepada pemilik ternakan di Bestari Jaya di bawah kesalahan Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana membiarkan lembu berkeliaran tanpa kawalan dan denda tidak lebih RM 1,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih dua belas bulan.

Operasi ini bertujuan untuk mencegah haiwan peliharaan seperti lembu, kerbau dan kambing tidak berkeliaran di kawasan awam serta untuk kebaikan semua pihak terutama para pengguna jalan raya.

Berdasarkan maklumat orang awam yang diterima dari semasa ke semasa, MDKS sedang menjalankan operasi menangkap haiwan berkeliaran tersebut di beberapa kawasan yang mempunyai masalah ini. Masyarakat digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di [selangor.spab.gov.my](http://selangor.spab.gov.my) atau hubungi 03-32891439.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# KUNJUNGAN HORMAT PANGLIMA 11 BRIGED

24 Januari 2020

MDKS telah menerima lawatan kunjung hormat daripada Brigedier Jeneral Norsham bin Md Tap, Panglima 11 Briged, Markas Briged ke 11 Infantri Malaysia untuk sesi suai kenal bersama Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat.

Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan berkenaan isu-isu semasa dan rutin tahunan selain dapat mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua agensi.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# PROMOSI "FIREFLY" SEMPENA TAHUN BARU CINA 2020

25 Januari 2020

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, maskot rasmi MDKS "Si Kelip-Kelip" telah mengedarkan buah limau mandarin kepada pengunjung Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan simbolik sempena Tahun Baru Cina pada 25 Januari 2020.

Edaran buah limau ini untuk menghargai pelancong daripada dalam dan luar negara yang melawat pusat pelancongan daerah Kuala Selangor pada waktu perayaan Tahun Baru Cina. Secara tidak langsung dapat mempromosi produk pelancongan daerah ini.

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai produk-produk pelancongan di daerah Kuala Selangor, orang ramai boleh mengimbas "QR Code" yang disediakan.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

“Usaha untuk rakyat”

# MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN SELANGOR (P3S) PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR

4 Februari 2020

Majlis Perasmian Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) Peringkat Daerah Kuala Selangor di Dataran Malawati, Pekan Lama Kuala Selangor. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Bin Shari.

Program P3S ini dilaksanakan adalah untuk mengawal aktiviti pengusaha - pengusaha bot dan jeti di daerah Kuala Selangor. Hal ini disebabkan kebanyakan jeti di dalam daerah ini tidak mengikut prosedur dan ketetapan seperti yang telah ditetapkan.

Program ini bertujuan untuk membantu pihak pengusaha aktiviti pelancongan ini untuk mendapatkan kelulusan seterusnya dapat didaftarkan di bawah MOTAC bagi membolehkan pengusaha berkenaan beroperasi selain dipromosikan serta ia juga memberi jaminan keselamatan kepada pengunjung yang menggunakan perkhidmatan daripada pengusaha.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# OPERASI BERSEPADU SAMPAH HARAM KAMPUNG SERI SENTOSA, IJOK

6 Februari 2020



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

## PERLAWANAN AKHIR SUKAN BOLA SEPAK SUKAN KAKITANGAN KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI MDKS 7 Februari 2020

Sengit dan mendebarkan. Perkataan itu yang boleh diungkapkan mengenai perlawanan akhir acara bola sepak untuk sukan kakitangan KSKR MDKS yang menemukan rumah hijau dan rumah biru.

Rumah hijau berjaya menjaringkan dua gol pada separuh masa pertama namun rumah biru kembali bangkit dan menyamakan kedudukan pada separuh masa kedua yang mengheret perlawanan ke masa tambahan. Tuah kepada rumah biru yang berjaya menjaringkan satu gol pada masa tambahan dan rumah biru ditabalkan sebagai juara acara bola sepak dengan keputusan 3-2.



## LAWATAN PANEL PENILAI PENGAUDITAN PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) 12-14 Februari 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) ini telah menjalani sesi Pengauditan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh pihak Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Panel Audit telah membentangkan laporan penilaian melibatkan Penemuan, Amalan Baik EKSA serta Penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi melayakkan MDKS mendapat pensijilan EKSA oleh MAMPU.



"Usaha untuk rakyat"

## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH LAMAN HARIS, ECO WORLD

16 Februari 2020



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

## PERHIMPUNAN PAGI BILANGAN 2

17 Februari 2020

Majlis Perhimpunan Bulanan MDKS Bilangan 2/2020 telah dihoskan oleh Jabatan Pelesenan di Dewan Sri Siantan, Ibupejabat MDKS. Ucaptama telah disampaikan oleh Setiausaha MDKS, Tuan Azman bin Dahlan.



Sumber : Jabatan Pelesenan

# LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2020

19 Februari 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima lawatan pemeriksaan dari Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020. Penilaian APPC pada tahun ini menilai beberapa kriteria iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Projek Pembangunan, Pengurusan ICT, Pengurusan Rekod, Pengurusan Teras dan Pengurusan Pelanggan. Diharapkan dengan kehadiran panel-panel penilai APPC ini dapat meningkatkan lagi produktiviti dan tahap perkhidmatan MDKS.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# PROGRAM CSR “HOME OF RIVER”

22 Februari 2020



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

“Usaha untuk rakyat”

## PROGRAM CSR MALAYSIA INSTITUTE OF ACCOUNTANTS

22 Februari 2020

Aktiviti CSR Pembersihan Pantai Remis oleh Malaysia Institute of Accountants. Sebanyak 264kg sampah telah berjaya dikutip. Ayuh kita membudayakan penjagaan kebersihan alam sekitar.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

## KUNJUNGAN HORMAT JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

24 Februari 2020



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# PENGGANTIAN BAS SMART SELANGOR

26 Februari 2020

Bermula Februari 2020, penggantian sebuah Bas Smart Selangor yang baharu untuk laluan KS02 Bandar Puncak Alam - KTM/MRT Sungai Buloh.

Nombor pendaftaran bas baharu tersebut adalah BPV 6719 menggantikan bas lama, nombor pendaftaran VE 2316. Pengguna dinasihatkan untuk merujuk kepada jadual bas sediaada.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW

## PIALA MENTERI BESAR TERENGGANU 28 Februari 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor turut menghantar wakil ke Kejohanan Sepak Takraw Piala Menteri Besar Terengganu di Stadium Negeri, Terengganu. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pemain yang terdiri daripada kakitangan MDKS. dan diketuai oleh Pengarah Unit Pusat Setempat, Encik Anuwaa bin Mohammad Jalani. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menambahbaik kualiti penganjuran acara sukan MDKS menerusi penyertaan ke kejohanan yang dianjurkan oleh pihak penganjur yang lain.



Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi

“Usaha untuk rakyat”

# KUNJUNGAN HORMAT JURUTERA JABATAN KERJA RAYA

28 Februari 2020

MDKS telah menerima lawatan kunjung hormat daripada Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor, Tuan Ir. Nur Hafidzan bin Idris untuk sesi suai kenal bersama Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat.

Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan berkenaan isu-isu semasa dan rutin tahunan selain dapat mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua agensi.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# PERHENTIAN BAS, TANJONG KARANG KINI BERWAJAH BARU

28 Februari 2020

Kerja-kerja membina tempat menunggu bas dan teksi di Perhentian Bas, Tanjong Karang. Diharap orang ramai dapat menggunakan kemudahan ini dan bersama-sama menjaga harta benda awam agar bermanfaat dan dapat digunakan bersama untuk tempoh berpanjangan.



Sumber : Jabatan Kejuruteraan

# OPERASI PEMADAMAN KEBAKARAN SAMPAH HARAM DI KAMPUNG SRI SENTOSA, IJOK

2 Mac 2020

Operasi pemadaman kebakaran sampah haram di Kampung Sri Sentosa, Ijok oleh skuad Pantas MDKS bersama Balai Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Menjaga kebersihan adalah tanggungjawab semua pihak untuk kesejahteraan bersama. Kepada yang masih ingkar, bakal dikenakan denda termasuk sitaan jika tertangkap.



Sumber : Skuad PANTAS Majlis Daerah Kuala Selangor

# PROGRAM CSR PEMBERSIHAN PANTAI

3 Mac 2020

Aktiviti pembersihan Pantai Remis oleh Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA. Sebanyak 200kg sampah telah berjaya dikutip. Ayuh kita membudayakan penjagaan kebersihan alam sekitar.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

“Usaha untuk rakyat”

## LAWATAN TEKNIKAL KAJIAN RANCANGAN ZON PERSISIRAN PANTAI NEGARA 3 Mac 2020



## SARINGAN SUHU BADAN DI IBUPEJABAT MDKS 3 Mac 2020

Susulan peningkatan angka jangkitan virus COVID-19 di negara ini, MDKS mengambil inisiatif melakukan proses saringan suhu badan terhadap SEMUA kakitangan dan pelanggan yang ingin memasuki Ibupejabat MDKS.

Bagi urusan keluar masuk ke MDKS, pelanggan dan kakitangan diwajibkan menggunakan bahan pencuci tangan (hand sanitizer). Kami memandang serius ancaman virus COVID-19 dan inisiatif ini dibuat bagi memastikan segala urusan berjalan lancar tanpa sebarang risiko.



# OPERASI BINAAN HARAM

4 Mac 2020



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

# LAWATAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR MENGENAI PELAKSANAAN SISTEM PARKIR BERBAYAR

4 Mac 2020



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

“Usaha untuk rakyat”

# COVID-19

## PEMANTAUAN HARI PERTAMA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 18 Mac 2020

Pemantauan dan arahan menutup premis perniagaan kepada penjaja dan peniaga yang ingkar arahan yang telah dikeluarkan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 - 31 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (1988).

MDKS merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang mematuhi arahan penutupan premis sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

## KAWALAN PENGUNJUNG PASAR AWAM

18 Mac 2020



Sumber : 1. Jabatan Pelesenan  
2. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

# PEMERIKSAAN SUHU BADAN ANGGOTA IPD KUALA SELANGOR

24 Mac 2020

Bantuan pemeriksaan suhu badan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS kepada pegawai dan anggota Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor yang bertugas. Turut hadir melakukan pemeriksaan, YDH Supt Ramli bin Kasa, Ketua Polis Daerah Kuala Selangor. Selamat bertugas kepada semua.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# DISINFEKSI DI SEKITAR KAWASAN PASAR-PASAR AWAM DAN PERHENTIAN BAS

26 Mac 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan kerja-kerja disinfeksi di sekitar kawasan Pasar-Pasar Awam dan Perhentian Bas sebagai langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

# PENGHARGAAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

31 Mac 2020

Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS telah turun padang menyampaikan makanan dan minuman kepada petugas MDKS yang menjalankan kawalan di kawasan pasar-pasar awam daerah Kuala Selangor.

Ianya sebagai tanda terima kasih di atas sumbangan tenaga dan penat lelah petugas barisan hadapan yang bertanggungjawab melaksanakan proses kawalan pengunjung ke pasar awam, imbasan suhu dan proses nyahkuman/disinfeksi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama berlangsung.

Untuk fasa pertama PKP, hasil pemantauan dan rondaan secara berkala mendapati hampir 95 peratus peniaga dan penjaja mematuhi arahan dan premis yang dibenarkan beroperasi berada dalam keadaan terkawal.

MDKS merakamkan ucapan terima kasih kepada peniaga dan penjaja yang sentiasa mematuhi arahan-arahan semasa yang telah dikeluarkan. Diharap pematuhan ini berterusan untuk kita sama-sama membendung wabak yang melanda.




Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# PROGRAM KAMI PRIHATIN, KAMI BERKONGSI FASA 1

9 April 2020

Fasa pertama program Kami Prihatin, Kami Berkongsi MDKS telah dilaksanakan pada 9 April 2020. Program ini bertujuan untuk membantu mereka yang terjejas dan terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebanyak 200 pek keperluan harian diagihkan kepada Persatuan Pendayung Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan, Kakitangan MDKS dan mereka yang memerlukan bantuan bagi meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh PKP ini. Terima kasih kepada para penyumbang yang prihatin dan sentiasa berkongsi.



Sumber : Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

# AKTIVITI DISINFEKSI DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# TAKLIMAT DAN PENYERAHAN BAHAN NYAHKUMAN KEPADA “JOINT MANAGEMENT BODY” (JMB)

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran  
Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

# PROGRAM KAMI PRIHATIN, KAMI BERKONGSI FASA 2

22 April 2020

Program Kami Prihatin, Kami Berkongsi Fasa 2 Majlis Daerah Kuala Selangor telah dilaksanakan pada 22 April 2020. Program ini bertujuan untuk membantu mereka yang terjejas dan terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebanyak 200 pek keperluan harian diagihkan kepada Rumah Tunas Harapan (RTH) Tengku Ampuan Rahimah Kuala Selangor, kawasan pembangunan strata di Kuala Selangor, Puncak Alam dan Saujana Utama. Terima kasih kepada para penyumbang yang prihatin dan sentiasa berkongsi.





*Terima Kasih dan Tahniah*  
**KEPADA WARGA KUALA SELANGOR  
KERANA MEMATUHI  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
BAGI MEMUTUSKAN RANTAIAN COVID-19  
“Kitalah WIRA”**

---